

ASPIRASI

"TEMAN BERITA KOMUNITI ANDA"

  kpfrasmi |  www.kpf.my

Edisi 2/2023

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA ANTARA TEKUN CORPORATION & KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

Tekun Corporation Sdn Bhd (TCORP) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk membantu pelanggan dalam mengutip hutang di seluruh negara. Pada 21 Mac 2023, KPF telah melantik

TCORP sebagai ejen kutipan hutang bagi sebarang hutang tertunggak pembiayaan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Dengan perlantikan ini diharap dapat meningkatkan produktiviti aktiviti pembiayaan serta menstabilkan aliran tunai KPF.



KPF diwakili Puan Hajah Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan manakala Tekun Corporation Sdn Bhd diwakili Encik Ahmad Hambali Zainal Ahmad pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di Ibu Pejabat KPF, Kuala Lumpur baru-baru ini.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI KOPERASI PERMODALAN FELDA (KPF) KE IKMa

Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah mengadakan perbincangan bersama Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa, YBrs. En. Mohd Zaib bin Mat Yunus bagi membincangkan berkaitan program latihan yang boleh diberikan oleh pihak IKMa kepada kakitangan dan anggota KPF.

Program latihan petugas memberi fokus kepada peningkatan kemahiran kakitangan dalam menggunakan aplikasi Ms Excel kepada 198 orang petugas.

Selain itu juga, program latihan kepada anggota juga dirancang untuk memfokuskan kepada pembangunan jati diri anggota berkoperasi dan atas keusahawanan kepada peneroka untuk 300 bidang tanah rancangan Felda.



Wakil daripada KPF bergambar bersama wakil daripada IKMa selepas selesai perjumpaan di pejabat IKMa, Petaling Jaya, Selangor.

PROGRAM MOTIVASI “MIND YOUR MIND” BERIKAN IMPAK POSITIF KEPADA PETUGAS



Doktor Ahmad Ihsan bin Abu Bakar ketika memberikan taklimat dihadapan petugas di pejabat KPF, Balai FELDA, Kuala Lumpur.

Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia telah menganjurkan Program Motivasi kepada Petugas Kumpulan KPF baru-baru ini berkaitan dengan kesihatan mental yang disampaikan oleh Dr. Ahmad Ihsan bin Abu Bakar, Pakar Perunding Keluarga, Hospital Pusrawi.



PENGURUSAN SAWIT OLEH KPF PLANTATION SDN BHD DI LADANG ARING DAN SUNGAI GALAS, GUA MUSANG

YM Raja Faridah binti Raja Ahmad, Pengurus KPF bersama Ahli Lembaga serta Pengurusan KPF telah mengadakan lawatan kerja ke ladang sawit KPF iaitu Ladang Aring, Ladang Blau dan Ladang Galas yang terletak di Gua Musang, Kelantan.

Jumlah keseluruhan keluasan ladang milik KPF ini adalah 5,334.10 Hektar dan berumur antara 3 hingga 16 tahun.

Masalah utama kekurangan tenaga kerja telah ditangani bermula Nov 2022 sehingga Mei 2023 dengan kemasukan tenaga kerja asing (TKA) dari Indonesia dan India.



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-42 KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

| | |
|-----------|---|
| Tarikh | : 22 Jun 2023 |
| Tempat | : Dewan Perdana FELDA, Anjung FELDA |
| Masa | : 10.00 Pagi |
| Kehadiran | : 629 orang (fizikal) 615 orang (online) |
| Jumlah | : 1,244 orang |





